

Headline **Rezeki dua 'hero'**
 Date **03 Jan 2011**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **31**
 Article Size **835 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **16,503**
 PRValue **49,510**



KIERAN mendukung Muhammad Iman yang berusia tiga bulan ketika upacara mencukur jambul diadakan di rumahnya di Kelang, baru-baru ini.



KUMPULAN Marhaban Nur Hikmah mengiringi upacara cukur jambul dengan dendangan ayat-ayat suci al-Quran.

Padat dengan jadual Hot FM

BERBORAK pasal kariernya selaku deejay stesen radio hangat itu, Kieran memberitahu, bermula Januari hadapan, dia akan sibuk dengan jadual yang telah disusun oleh pengurusan radio itu.

Ujar Kieran, slot kendaliannya, *Hot FM Jam* akan bersiaran dari luar konti dan akan menjelajah seluruh Semenanjung bersama rakan sekerjanya, Ikhwan dan Suraya.

"Selama sebulan kami akan meronda ke seluruh Semenanjung. Beberapa buah negeri yang menjadi lokasi pilihan akan dilawat oleh krew Hot FM.

"Alang-alang berada di situ nanti, ia turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti sampingan yang membabitkan pendengar bersama penyampai.

"Ia adalah salah satu rangka promosi 2011 demi mengukuhkan jenama Hot FM di daerah-daerah luar bandar," katanya yang baru sahaja menyambung semula kontraknya dengan stesen radio popular itu selama dua tahun lagi.

Hampir sedekad penglibatannya dalam dunia penyiaran radio, Kieran sedar dia tidak boleh selama-lamanya bergelar penyampai radio.

Atas faktor itu, selain perancangan bisnes, dia kini mula berjinak-jinak dalam bidang pengacaraan dan menjual suaranya untuk digunakan sebagai suara latar iklan komersial.

"Buat masa sekarang, saya terlibat dengan rancangan *Scoreboard* yang disiarkan di TV3 dan iklan komersial di radio.

"Kalau diberi peluang, saya ingin tampil dengan program yang berkaitan sukan kerana saya amat meminatinya.

"Jika kontrak saya bersama Hot FM tidak disambung lagi, saya ingin tumpukan bidang pengacaraan semula," katanya.

Mengulas mengenai dunia lakonan pula, Kieran menjelaskan, bidang itu tidak masuk dengan jiwanya walaupun dia pernah muncul dalam beberapa buah drama termasuk sebuah filem, *Otai* yang belum lagi ditayangkan.

Terangnya, senario seorang deejay yang bekerja dalam tempo yang laju membuatnya kekok untuk berada di set penggambaran.

"Lakonan memerlukan pengorbanan dari segi masa. Boleh dikatakan, pelakon dibayar untuk meluangkan masa dengan menunggu sehinggalah babak yang membabitkan mereka.

"Jadi, ia satu tempoh masa yang meresahkan saya yang terbiasa bekerja dalam senario sebaliknya.

"Namun, sekiranya ada tawaran, saya tidaklah menolaknya bulat-bulat. Saya akan pertimbangkan dahulu dan sekiranya sesuai, saya boleh menerimanya," tuturnya

menamatkan perbualannya bersama *Hits*.

Oleh **MOHD. IFQDAR ABDUL RAHMAN**
 ifqdar.rahman@utusan.com.my
 Gambar **MOHD. FARIZWAN HASBULLAH**

Rezeki dua 'hero'

UNTUK bergelar seorang bapa, nyata ia bukanlah suatu tugas yang mudah. Apatah lagi untuk melayan kerenah dua anak kecil yang kedua-duanya adalah lelaki.

Namun, anak adalah zuriat yang dianugerahkan Allah buat makhluknya sebagai penyambung agama, bangsa dan warisan. Satu amanah yang harus dipikul oleh manusia.

Buat penyampai popular Hot FM, Mas Kieran Jakiran atau terkenal dengan nama Kieran, dikurniakan dua orang anak lelaki sudah cukup membuatkan mahligainya yang dibina bersama Yang Azli Yang Mohd. Yunus, 28, dua tahun lalu begitu bahagia.

Kehadiran Muhammad Adam, setahun dan Muhammad Iman, tiga bulan, benar-benar memberi sinar dalam kehidupan berumah tangga pasangan yang kini menetap di Kelang itu.

Pada majlis aqiqah dan cukur jambul anak bongsu Kieran yang diadakan di kediamannya baru-baru ini, bapa berusia 35 tahun itu bersyukur kerana diberi peluang untuk bergelar seorang ayah.

"Kalaulah ditakdirkan anak saya hanya dua orang ini sahaja, saya amat bersyukur. Ini kerana, masih ramai orang di luar sana yang sudah lama berkahwin, tapi masih belum menimbang cahaya mata.

"Jika rezeki saya dan isteri masih ada, saya mengharapkan agar dikurniakan anak perempuan pula selepas ini.

"Sememangnya saya sukakan anak lelaki kerana nanti saya boleh buat pasukan bola. Tapi, nak juga merasa mempunyai anak perempuan," seloroh Kieran yang merupakan peminat fanatik pasukan bola sepak Manchester United itu.

Dalam pada itu, Kieran memberitahu, rezekinya dalam

kerjaya semakin kukuh dan bertambah murah sejak hadirnya kedua-dua 'hero' yang menceriakan keluarganya itu.

Sembangnya, dia kini sedang giat melibatkan diri dalam bisnes kecil-kecilan sebagai persediaan masa hadapan.

"Umur saya semakin meningkat. Takkan umur dah 40 pun saya masih nak jadi deejay. Jadi, lebih baik saya cuba berniaga sementara peluang ada di depan mata.

"Ramadan lalu, saya ada berniaga di bazar Jalan Tunku Abdul Rahman. Lepas itu, saya dapat peluang pula untuk berniaga makanan ringan di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya ketika musim haji baru-baru ini.

BAHAGIA... Kieran mencup pipi isterinya yang dikahwininya dua tahun lalu simbolik tanda kasihnya kepada keluarga.

"Sekarang ini saya memang merancang untuk buka perniagaan satu hari nanti. Tapi masih belum ada lagi idea untuk fokus terhadap satu-satu jenis perniagaan," jelasnya yang ingin cuba berniaga pelbagai jenis produk terlebih dahulu untuk mengkaji pasaran.



Umur saya semakin meningkat.

Takkan umur dah 40 pun saya masih nak jadi deejay. Jadi, lebih baik saya cuba berniaga sementara peluang ada di depan mata